

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (11)

Tarikh : 25 Februari 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN SINAR HARIAN BERTAJUK “TERPAKSA MAKAN NASI GAUL GARAM” BERTARIKH 20 FEBRUARI 2015 JUMAAT– M.S: 43 (PERLIS)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Nurparishah mengenai dua orang anak beliau yang tidak mempunyai sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, pihak JPN telah mengunjungi kediaman Puan Nurparishah pada 25.02.2015 untuk memberi penerangan dan membantu beliau dalam urusan pendaftaran kelahiran anak-anaknya.

4. Sehubungan dengan itu, pihak JPN memohon sepenuh komitmen dan kerjasama beliau untuk melengkapkan borang daftar lewat kelahiran yang diberikan bersama dokumen-dokumen yang berkaitan bagi membolehkan JPN memproses pendaftaran lewat kelahiran tersebut.

5. Ingin dimaklumkan jua, pihak JPN Perlis bersedia membantu beliau dan sekiranya beliau memerlukan sebarang khidmat nasihat boleh menghubungi pejabat berkenaan ditalian 04-9795200 atau terus hadir ke pejabat tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)